



KAEDAH MENSYARAHKAN LAFAZ *GHARĪB*: KAJIAN TERHADAP NAMA FLORA DALAM *ṢAḤĪḤ AL BUKHĀRĪ*

(A Methodology for Interpreting Archaic Words in the Hadith: A Study of Flora Names in *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*)

Rusni Mohamad¹, Thuraya Ahmad²

¹Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, ²Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Abstract

The attention of the Muslim community toward the Prophet's hadith has grown significantly, particularly in Malaysia. Hadith literature now serves as a reference at various levels, functioning as an important guide in daily life. Increasing interest is also evident among contemporary scholars of revealed knowledge, especially in efforts to translate hadith texts from Arabic into Malay to facilitate better public understanding. However, errors in interpreting gharīb (unfamiliar or obscure) vocabulary have led to misunderstandings of certain hadith, thereby obscuring the intended meaning conveyed by the Prophet ﷺ. In response to this issue, the present study examines the methodologies employed by hadith scholars in explicating the meanings of gharīb terms. To achieve this objective, the study adopts a library-based research design to collect relevant data, which is subsequently analyzed using content analysis methods. The findings indicate that hadith scholars unanimously emphasize the importance of gathering variant narrations and consulting classical commentaries, works on gharīb al-ḥadīth, and Arabic lexicons as essential preliminary steps before interpreting the meaning of any hadith under investigation. Consequently, research into the linguistic meaning of hadith texts must be conducted with precision and careful scrutiny to ensure that the intended meaning of the Prophet ﷺ is conveyed accurately.

Keywords: *gharīb al-ḥadīth, hadith interpretation, lexical analysis, content analysis.*

Article Progress

Received: 25 June 2025
Revised: 14 September 2025
Accepted: 9 November 2025

*Corresponding Author:
Rusni Mohamad.
Fakulti Sains Kemanusiaan,
UPSI.

Email:
rusni@fsk.upsi.edu.my

PENDAHULUAN

Memahami kandungan hadith merupakan keperluan yang sangat penting dalam usaha memperkembangkan ajaran Islam kerana peranan hadith itu sendiri mengkhususkan yang umum, mengikat yang mutlak dan menguatkan apa yang disebutkan dalam al-Quran selain menetapkan hukum-hukum baru yang tidak terdapat dalam wahyu pertama. Justeru, kefahaman yang tepat dapat mengelakkan salah faham terhadap intipati hadith Nabi SAW.¹ Khususnya bagi orang Ajam, untuk memastikan kefahaman yang tepat bagi setiap hadith, peralihan bahasa perlu dilakukan dengan cermat. Misalnya, peralihan bahasa bagi teks hadith daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu perlu dialih bahasa dengan cermat sekali. Tujuannya, agar masyarakat Melayu dapat memahami matan hadith dengan tepat dan memudahkan proses pemahaman apabila hadith disebar melalui pelbagai platform seperti buku, perisian komputer, media sosial dan beberapa yang lain. Pada kini, usaha mengalih bahasa semakin mendapat tempat dalam kalangan pengkaji kerana ingin membantu masyarakat Islam khususnya rakyat Malaysia.

¹ al-Siba'ī, Mustafa (1976). *al-Sunnah wamakanatuha fi al-Tashri' al-Islami*. Beirut: al-Maktab al-Islamī, 376-379.

Demikian juga yang dilakukan oleh ulama-ulama Islam sekitar permulaan kurun ke-3 Hijrah, mereka berusaha menjelaskan maksud perkataan dalam hadith supaya masyarakat Islam ketika itu dapat memahami hadith dengan tepat. Usaha sebegini berterusan dari satu kurun ke kurun seterusnya selari dengan perkembangan pengajian hadith disebabkan pertambahan bangsa Arab dan Ajam memeluk agama Islam. Keperluan untuk menyediakan rujukan bagi masyarakat memahami hadith menjadi keutamaan mereka sehingga menghasilkan pelbagai jenis kitab hadith untuk menjelaskan maksud matan antaranya karya *gharīb al-hadīth* seperti *al-Nihāyah fī gharīb al-ḥadīth wa al-athar* oleh Ibn al-Athīr al-Jazarī, *al-Fāiq fī gharīb al-ḥadīth* oleh al-Zamakhsharī dan lain-lain. Pada masa yang sama, kamus-kamus bahasa Arab juga dihasilkan untuk menjelaskan maksud terperinci bagi kosa kata Arab mengikut pendekatan tersendiri oleh ahli leksikografi Arab seperti *Lisān al-Arab* oleh Ibn Manẓūr.

Dalam teks atau *matan* hadith, terdapat perkataan yang sukar difahami atau disebut *kalimāt al-gharībat* yang memerlukan kepada penelitian maksud yang cermat sebelum disyarahkan atau diterjemahkan. Kecuaian terjemahan bagi kosa kata ini menyebabkan maksud sebenar hadith tidak dapat disampaikan kepada pembaca bahkan amat merbahaya kepada agama apabila sesuatu hadith yang berkaitan dengan hukum hakam dalam Islam. Menurut kajian Ahmad (2024) terdapat kosa kata *gharīb* yang tidak diterjemahkan dalam sesuatu matan hadith sedangkan ia merupakan kata kunci terhadap maksud sebenar hadith apatah lagi apabila berkaitan dengan hukum syariat. Kesilapan ini menyebabkan salah faham terhadap maksud hadith serta mengurangkan makna, perubahan maksud matan, mengurangkan cakupan maksud sebenar sesuatu perkataan dan terjemahan yang tidak tepat.²

Manakala Thuraya (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa terdapat kekeliruan dalam memaknakan lafaz *gharīb* khusus berkaitan bahan-bahan berasaskan tumbuhan yang disebutkan dalam hadith Nabi sehingga diperkenalkan dengan nama yang tidak tepat. Kesannya, maklumat yang dipaparkan tidak selari tentang khasiat dan fungsi sebagaimana yang diamalkan oleh masyarakat Arab pada zaman Nabi SAW. Sebahagiannya pula hanya diperkenalkan secara umum yang menyebabkan pembaca tidak dapat mengenalinya sedangkan penyebutannya dalam hadith sudah tentu kerana manfaat dan khasiatnya kepada manusia. Oleh itu, kajian tersebut mencadangkan kaedah atau panduan khusus dirangka untuk menjelaskan kosa kata yang sukar difahami ini kerana desakannya yang amat diperlukan agar kesilapan tafsiran maksud hadith dapat dibendung.³

Kajian oleh Husni et al., (2022) menyatakan bahawa terdapat kontradiktif terjemahan bagi kata nama khas dalam teks hadith yang mana diterjemahkan dengan maksud dan perkataan yang tidak seragam dengan leksikal perkataan daripada bahasa sumber sekali gus menyumbang kepada keberkesanan dan kebolehpercayaan kepada karya-karya agama yang mengandungi hadith. Oleh kerana salah faham terhadap makna kata nama khas dalam klausa atau ayat lengkap boleh membawa kepada kesilapan pemahaman hadith.⁴

Berdasarkan isu yang berbangkit tentang perkataan-perkataan yang sukar difahami maka kajian ini bertindak membahaskan pendekatan ahli hadith dalam menjelaskan perkataan *gharīb* sebagaimana yang dapat dikenal pasti dalam karya-karya *shurūh al-hadīth* dan *gharīb al-hadīth*. Hal ini kerana, karya-karya tersebut merupakan karya utama yang menjadi rujukan bagi pengkaji dan penuntut ilmu untuk memahami maksud sesuatu matan hadith. Pendekatan yang diaplikasikan oleh ahli hadith amat penting untuk diikuti sebagai panduan untuk melakukan proses peralihan bahasa, terjemahan atau penjelasan maksud perkataan *gharīb* dalam matan hadith.

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan kajian ini antaranya adalah kajian pada peringkat Doktor Falsafah yang berjudul *Gharīb al-Alfāz fī al-Tarjamah al-Injilīziyyah fī Kitāb al-Libās fī Ṣaḥīḥ al-*

² Ahmad Izzuddin Abu Bakar (2024). Analisis Kesilapan Terjemahan Hadis dan Cadangan penambahbaikan: Satu Tinjauan Awal, *Journal of Hadis* 9 (2), 163-172.

³ Thuraya Ahmad (2018). *Gharīb al-Alfāz fī al-tarjamah al-Injilīziyyah fī Kitāb al-Libās fī Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*: Muḥammad Muḥsin Khān Annamūzajan. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Malaysia, 7-8.

⁴ Husni Abdullah et al., (2002). Analisis Penilaian Kontradiktif Terjemahan Kata Nama Khas Terhadap Hadis dalam Kitab *al-Halal wa al-Haram fī al-Islam*, *Journal Hadis* 13 (24), 27-39.

Bukhārī: Muḥammad Khān Unmūdhan oleh Thuraya Ahmad.⁵ Berdasarkan penelitian pengkaji, kajian ini merupakan sebuah kajian berkualiti yang melakukan kajian terhadap terjemahan lafaz *gharīb* berdasarkan karya terjemahan *Saḥīḥ al-Bukhārī* dalam bahasa Inggeris. Kajian ini juga membahaskan tentang konsep ilmu *gharīb al-ḥadīth* dan zaman permulaan penulisan karya *gharīb* hadith serta kepentingan menggunakan garis panduan khusus dalam menterjemahkan perkataan *gharīb* dalam hadith. Berdasarkan penelitian pengkaji, kajian tersebut melakukan analisis perbandingan antara makna asal teks dalam bahasa Arab dengan teks terjemahan dalam bahasa Inggeris yang menjadi subjek utama kajian dengan melibatkan lafaz-lafaz *gharīb* berkaitan pakaian dan tekstil.

Manakala kajian kedua sebuah artikel bertajuk '*Analisis Penilaian Kontrastif Terjemahan Kata Nama Khas terhadap Hadis dalam Kitab al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*' oleh Husni Abdullah et al.,⁶ Kajian ini mengkaji terjemahan terhadap empat buah kitab terjemahan kepada kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* yang berbahasa Arab kepada bahasa Melayu bagi perkataan *gharīb* dalam matan hadith khusus bagi kata nama khas iaitu terjemahan semantik-komunikatif Arab-Melayu. Kajian ini menggunakan penganalisan sampel berasaskan aspek semantik komunikatif dengan melakukan perbandingan padanan terjemahan yang dicadangkan oleh Mohd Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya. Hasil kajian menunjukkan, terdapat beberapa terjemahan yang salah dan kurang tepat berlaku maka saranan kajian agar terjemahan yang dilakukan dengan cermat dan dipertingkatkan aspek tersebut agar hadith mudah difahami dan dikuasai dengan lebih berkesan tanpa sebarang kecacatan.

Sementara itu, kajian keempat pula adalah sebuah artikel yang berjudul *Dawābiṭ al-Ta'āmul ma'a Gharīb al-Ḥadīth al-Nabawī* oleh Suyuti Abd al-Manas et al.⁷ Berdasarkan penelitian pengkaji, artikel ini membahaskan tentang kesungguhan ulama hadith menangani masalah kesilapan interpretasi lafaz *gharīb* yang menjadi sebab pendorong ulama Islam menghasilkan pelbagai karya dalam bidang *gharīb al-ḥadīth*. Selain itu, artikel ini turut membahaskan kaedah-kaedah yang diaplikasikan oleh ahli hadith dalam mensyarahkan lafaz *gharīb* yang merangkumi penelitian matan, aspek bahasa Arab dan pendekatan menjelaskan maksud keseluruhan matan. Rumusannya, artikel ini hanya membahaskan beberapa kaedah secara ringkas tanpa melibatkan panduan khusus untuk menjelaskan maksud nama-nama flora dalam hadith.

Kajian terakhir pula bertajuk '*Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Islam dan Sains Kesihatan*' oleh Sumaiyah Mohd Tamizi (2015). Kajian ini menganalisis nama-nama tumbuhan yang disebutkan dalam al-Quran dengan memfokuskan kepada fungsi dan kelebihannya terhadap kesihatan. Kajian ini kemudiannya memilih dan menganalisis beberapa jenis tumbuhan yang menjadi pemfokusan antaranya adalah kurma (*Phoenix dactylifera L.*), anggur (*Vitis vinifera L.*) dan beberapa yang lain. Kajian ini turut mengkaji nama-nama tumbuhan tersebut daripada perspektif ahli tafsir dan ahli bahasa Arab. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa tumbuhan yang dinamakan dengan nama yang tidak tepat yang menunjukkan dengan jelas kesilapan data-data saintifik terhadap aspek fungsi dan nutrien sesuatu jenis tumbuhan mengikut spesiesnya. Hal ini terjadi kerana, perkataan *gharīb* dalam al-Quran atau hadith tidak diterjemahkan kepada bahasa Melayu mengikut kaedah yang sepatutnya. Perkara ini turut menyebabkan sesuatu jenis tumbuhan yang disebutkan dalam hadith disalahertikan yang menyebabkan kesilapan manfaat, fungsi, khasiat serta data-data saintifik yang terkait.

Kajian ini akan mengemukakan beberapa kaedah-kaedah yang dipraktikkan oleh ahli hadith dalam mensyarahkan lafaz *gharīb* dalam matan hadith khusus berkaitan nama-nama flora. Pengaplikasian kaedah-kaedah ini dapat mengelakkan berlaku kesilapan interpretasi dan tafsiran terhadap sesuatu maksud lafaz *gharīb* dan konteks hadith keseluruhannya yang menyebabkan salah faham dan kegagalan mendapat pengajaran daripada inti pati hadith dengan tepat dan menyeluruh. Perpentingan kaedah ini juga untuk mengelakkan interpretasi yang tidak tepat terhadap fungsi sesuatu jenis tumbuhan serta maklumat saintifik mengenainya. Selain itu, kaedah-kaedah ini dapat mengelakkan berlaku kesilapan

⁵ Thuraya, *op.cit.*

⁶ Husni Abdullah, *op.cit.*

⁷ Suyuti Abd al-Manas dan Mohammed Dawud Timezghine (2013). "Dawābiṭ al-Ta'āmul ma'a Gharīb al-Ḥadīth al-Nabawī," *Majallat al-Tajdīd* 34, 127-151.

interpretasi dan tafsiran terhadap sesuatu maksud lafaz *gharīb* dan konteks hadith keseluruhannya yang menyebabkan salah faham dan kegagalan mendapat pengajaran dan kefahaman daripada inti pati hadith dengan tepat dan menyeluruh.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan satu bentuk kajian iaitu kajian kepustakaan. Bentuk kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan metode dokumentasi iaitu penghuraian data dalam bentuk teks. Kaedah ini digunakan untuk membangunkan kaedah menjelaskan maksud perkataan *gharīb* bagi nama-nama flora dalam hadith berdasarkan pendekatan oleh ahli hadith dalam menjelaskan maksud perkataan *gharīb* berdasarkan kitab *shurūh al-ḥadīth* dan *gharīb al-ḥadīth*. Karya turath Arab dalam bidang hadith khususnya karya syarahan hadith dan *gharīb al-ḥadīth* merupakan dua kategori karya hadith yang paling tepat menjelaskan inti pati hadith. Berdasarkan pendekatan para sarjana dalam kitab-kitab yang dihasilkan, ia menjadi rujukan utama dan sumber berautoriti untuk menjelaskan maksud sebenar setiap kosa kata yang disandarkan kepada Nabi SAW dan menjadi rujukan untuk menjelaskan kefahaman yang dimaksudkan oleh baginda.⁸

Kitab yang terlibat adalah *Fath al-Bārī* oleh Ibn Hajar al- 'Asqalanī dan *al-Nihayah fī gharīb al-ḥadīth* oleh Ibn al-Athīr. Pemilihan karya Ibn Hajar al- 'Asqalanī tersebut kerana merupakan antara kitab syarah bagi *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang paling penting dan diiktiraf sebagai kitab syarahan hadith yang paling lengkap.⁹ Manakala pemilihan karya *gharīb al-ḥadīth* oleh Ibn al-Athīr kerana merupakan ensiklopedia perkataan *gharīb* dalam hadith yang mana hampir kesemua lafaz *gharīb* dalam hadith dibahaskan. Mengenai perkara ini, al-Suyūṭī menyatakan kitab *al-Nihāyah* adalah kitab *gharīb* paling baik, lengkap, masyhur dan digunakan dengan meluas setelah menjawab hampir kesemua istilah yang sering dipertanyakan oleh para ulama dalam masalah lafaz *gharīb*.¹⁰

Pendekatan kedua-dua ahli hadith tersebut akan dikeluarkan dan dibahaskan satu persatu. Data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) iaitu kaedah penyalinan semula dan penaakulan sah dari teks yang dikaji. Maklumat yang telah dikenal pasti akan dianalisis dan disenaraikan. Kaedah kedua adalah induktif atau disebut *istiqrā'ī* iaitu satu proses penghuraian, menganalisis atau membuat kesimpulan data yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan dan dalil-dalil yang bersifat umum. Kaedah ini digunakan ketika menganalisis pendekatan atau manhaj ulama hadith ketika menjelaskan maksud lafaz *gharīb*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sejarah Kemunculan Ilmu *Gharīb al-Ḥadīth*

Kehidupan berbahasa Arab yang paling baik dan fasih tuturannya dalam kalangan masyarakat Arab pada awal Islam adalah suku Quraysh dan Suku *Bānī Sa'd*. Quraysh adalah bangsa Arab yang paling tinggi *faṣāḥah* dalam sebutan, sedap didengar serta paling mudah difahami. Manakala suku *Bānī Sa'd* adalah suku yang menggunakan bahasa Arab yang masih murni (*salāmat al-lughah*) kerana tidak bercampur dengan bahasa-bahasa asing kerana kedudukan geografi kawasan mereka yang terletak di kawasan pedalaman. Suku Arab inilah yang membesarkan Nabi SAW oleh yang demikian menjadikan baginda memiliki kedua-dua perkara iaitu berasal daripada suku Quraysh dan dibesarkan dalam lingkungan suku *Bānī Sa'd*.¹¹

⁸ al-Zahrānī, Muḥammad Ibn Maṭr (1996). *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyah nasha'tuh wa taṭawwuruh*. Riyad: Dār al-Hijrah. 12-124.

⁹ *Ibid.*, 109.

¹⁰ al-Suyūṭī, 'Abd al-Rahmān bin Abu Bakr (t.t). *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawawī*, ed. Abu Qutaybah Nazr Muḥammad al-Fāriyābī. T.t.p: Dār Taybah. 639.

¹¹ Wāfi, 'Alī 'Abd al-Wāḥid (2004). *Fiqh al-Lughah*. Mesir: Nahḍah Miṣr, 89.

Kefasihan bahasa dan lisan Rasulullah SAW ketika berbicara dengan delegasi-delegasi Arab daripada pelbagai kabilah yang berbeza dialek sehingga mereka dapat memahaminya dengan jelas. Hal ini kerana, para sahabat adalah orang-orang yang paling memahami ucapan baginda melainkan sedikit. Sekiranya mereka tidak dapat memahaminya, maka langsung bertanya kepada Nabi SAW dan segera dijelaskan. Interaksi sebegini berterusan hingga akhir hayat baginda SAW.¹² Pada zaman para sahabat pula, mereka masih berpegang kepada pendekatan yang sama, ucapan diungkapkan dengan jelas, tidak bercampur dengan bahasa-bahasa asing sehinggalah berlakunya penaklukan wilayah-wilayah luar dan Islam mula tersebar ke luar Jazirah Arab. Setelah itu, orang-orang 'Ajam iaitu bangsa bukan Arab seperti Rom, Parsi, Habshi, Nabatea dan lain-lain memeluk agama Islam dan bangsa Arab bergaul dengan mereka sehingga berlaku asimilasi bangsa dan bahasa. Percampuran puak, bahasa, budaya, dialek dari satu generasi ke generasi seterusnya sehinggalah bahasa Arab bercampur dengan bahasa-bahasa asing sedikit demi sedikit.¹³

Pada zaman tabiin, sebahagian orang-orang Arab yang memahami lafaz-lafaz bahasa Arab *fiṣṣah* namun sebahagian yang lain tidak lagi memahaminya. Perkara ini terjadi disebabkan mereka tidak lagi menggunakan perkataan-perkataan yang biasa digunakan pada zaman Nabi SAW sehinggalah mereka tidak mengetahui bahkan memahami perkataan-perkataan yang dahulunya (pada zaman awal Islam) biasa digunakan.¹⁴ Kesannya, mereka bertutur dengan bahasa Arab bukan asli dan hanya memahami perkataan-perkataan Arab yang biasa digunakan sehinggalah di akhir zaman tabiin muncul isu tentang kosa kata dalam hadith yang tidak difahami oleh orang Arab sendiri. Maka, pada ketika itu bermulalah fasa di mana sebahagian besar kosa kata bahasa Arab yang digunakan pada zaman Rasulullah SAW tidak lagi difahami oleh masyarakat Arab dan menjadi asing bagi mereka.¹⁵

Terdapat beberapa riwayat yang jelas menunjukkan generasi *atba' tābi'in* iaitu generasi dari awal kurun ke-3H tidak lagi memahami beberapa kosa kata yang biasa digunakan pada zaman Nabi SAW. Hadith riwayat Abū Hurayrah R.A menunjukkan perkara tersebut sebagaimana berikut:

حَدَّثَنَا يَحْيَى، أَخْبَرَنَا ابْنُ هُبَيْرَةَ، عَنْ أَبِي يُونُسَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "أَهْلُ الْجَنَّةِ رَشْحُهُمُ الْمِسْكُ، وَوُفُودُهُمُ الْاَلُؤَةُ". قَالَ: فُلْتُ لِابْنِ هُبَيْرَةَ: يَا أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ، مَا الْاَلُؤَةُ؟ قَالَ: الْغُودُ الْهِنْدِيُّ الْجَبِيدُ¹⁶

Terjemahan: Diriwayatkan kepada kami Yahya, dikhabarkan kepada kami Ibn Lahī'ah daripada Abu Yūnūs, daripada Abu Hurayrah berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Wangian ahli syurga itu kasturi dan setinggi mereka *al-aluwwah*. Lalu Yahya berkata kepada Ibn Lahī'ah: Wahai 'Abd al-Rahman, apakah itu *al-aluwwah*? Lalu dia berkata: ia adalah sejenis gaharu *al-Hindī* yang terbaik.

[Hadith riwayat Ahmad, *Musnad al-Mukathirīn min al-Ṣaḥābah*, Musnad Abū Hurayrah R.A, no. hadith 8680]

Merujuk riwayat yang dipaparkan, Yahya bin Ishaq al-Bajalī yang lahir pada 210H bertanya Ibn Lahī'ah iaitu ulama generasi *kibār itba' tābi'in*¹⁷ tentang maksud perkataan *al-aluwwah*. Ibn Lahī'ah menjelaskannya bahawa ia adalah sejenis gaharu gred premium. Perkara ini jelas menunjukkan generasi selepas *atba' al-tabi'in* tidak biasa mendengar sebutan tersebut kerana ia tidak lagi digunakan lagi pada zamannya maka memerlukan penjelasan untuk memahami maksud hadith berkenaan. Oleh itu, pertanyaan dan maklum balas dapat dirakamkan dalam riwayat ini dengan jelas tentang perkataan yang gharib bagi sebahagian perawi namun tidak bagi sebahagian yang lain bagi generasi yang lebih awal.

¹² Ibn al-Athīr, al-Mubārak bin Muḥammad (1979). *al-Nihāyah fī gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar*, ed. Ṭāhir Aḥmad al-Zāwī dan Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 5-6.

¹³ *Ibid.*, 6-7.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ al-Shaybānī, Aḥmad bin Muḥammad (2001). *Musnad Imām Aḥmad bin Hanbal*, ed. Shu'ayb al-Arna'ūt et al. T.tp.: Mu'assasah al-Risālah, 14:310. Hadith ini *ṣaḥīḥ* menurut penelitian Shu'ayb al-Arna'ūt.

¹⁷ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī (1326H). *Tahdhīb al-Tahdhīb*. India: Maṭba'ah Dā'irah al-Ma'ārif al-Nazāmiyyah, 5: 373.

Faktor Kewujudan Perkataan *Gharīb* Dalam Hadith Nabi SAW

Bahasa merupakan salah satu alat komunikasi yang penting dalam kehidupan manusia kerana bahasa adalah salah satu media berbentuk ucapan lisan, simbol atau gambar serta huruf untuk menyampaikan suatu keinginan antara sama lain. Setiap bahasa yang digunakan oleh manusia di dunia ini tidak statik tanpa ada perubahan dari bahasa asal kerana bahasa itu sendiri bersifat dinamik. Dalam konteks bahasa Arab, ia merupakan bahasa yang tidak terlepas daripada terkesan daripada pengaruh persekitarannya terutama bahasa-bahasa asing daripada bangsa-bangsa asing yang pernah mengunjungi tanah Arab dan berada disekitar semenanjung Arab seperti Parsi, Rom dan Habshah.

Ulama hadith menyenaraikan beberapa faktor utama yang menjadi faktor kewujudan lafaz-lafaz *gharīb* dalam hadith Nabi SAW. Pertama, ketinggian bahasa Arab dan kesusasteraan lafaz-lafaz hadith itu sendiri kerana ia merupakan bahasa Arab *fushhā* atau bahasa Arab tulen. Manakala yang kedua, proses asimilasi bangsa Arab dengan bangsa-bangsa asing seperti Rom, Parsi dan lain-lain dan yang terakhir adalah perbezaan kaedah periwayatan hadith iaitu periwayatan hadith dengan makna (*riwayah bi al-ma'na*).¹⁸ Rasulullah SAW diutuskan sebagai penyampai syariat melalui hadith-hadithnya yang dijelaskan mengikut keadaan dan situasi pendengar daripada kabilah dengan dialek (*lahjah*) yang berbeza-beza. Apabila baginda SAW menyebutkan sesuatu hadith mereka mendengarnya dengan penuh ketekunan dan menghafaznya namun tidak semua sahabat baginda SAW mempunyai tahap ketajaman hafazan (*dabt*) yang sama malah tidak mudah bagi sebahagian daripada mereka untuk mengingat setiap lafaz sama sebagaimana yang diungkapkan oleh Nabi SAW.¹⁹

Oleh yang demikian, sebahagian daripada mereka menghafaz hadith berpandukan lafaz asal dan sebahagiannya dengan makna dan mereka menyampaikan hadith tersebut mengikut bahasa dan *lahjah* kabilah-kabilah mereka. Oleh yang demikian, sesuatu lafaz hadith diriwayatkan dengan pelbagai sebutan namun masih mempunyai merujuk kepada maksud yang sama. Perkara ini dapat diperhatikan apabila kesemua jalur riwayat hadith dikumpulkan bagi satu riwayat hadith.²⁰ Riwayat Ibn 'Abbās R.A menunjukkan perkara tersebut sebagaimana berikut:

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَبَا فُلَانٍ، بِمَاذَا أَمَرْتُهُ؟ قَالَ أَمَرْتُهُ أَنْ يَبِيعَهَا، قَالَ إِنَّ الَّذِي حَرَّمَ شُرْبَهَا، حَرَّمَ بَيْعَهَا فَأَمَرَ بِهَا فَأُفْرِغَتْ فِي
الْبُطْحَاءِ²¹

Terjemahan: Baginda SAW bersabda: Apa yang engkau perintahkan kepadanya wahai fulan? Dia berkata: aku memerintahkannya untuk menjualnya. Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya Zat yang mengharamkan untuk meminumnya mengharamkan pula untuk menjualnya. Kemudiannya beliau memerintahkan supaya arak tersebut dibuang di tepi jalan'.

[Hadith riwayat Ahmad, *Musnad Banī Hāsyim*, *Musnad 'Abd Allah bin al-'Abbās bin 'Abd al-Muṭṭalib 'an al-Nabi SAW*, no. hadith 2041].

Apabila dikumpulkan riwayat yang sama, didapati terdapat perbezaan pada lafaz-lafaz yang bergaris sebagaimana riwayat berikut:

¹⁸ Ibn al-Athīr, 6-7.

¹⁹ al-Khaṭṭābī, Ḥamad bin Muḥammad (1982). *Gharīb al-Ḥadīth*. Ed. 'Abd al-Karīm Ibrāhīm al-Azbāwī. Damsyiq: Dār al-Fikr, 1:68-69.

²⁰ *Ibid*.

²¹ al-Syaybānī, Aḥmad bin Muḥammad (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Ed. Syu 'ayb al-Arna'ūt. et al. T.n.t: Mu'assasah al-Risālah, 3: 480-481. Menurut Syu'ayb al-Arna'ūt riwayat hadith berdarjat *sahih*.

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الَّذِي حَزَمَ شُرُوحًا حَزَمَ بَيْعَهَا، فَأَمَرَ بِهَا فَأُكْفِيََتْ فِي الْبَطْحَاءِ²²

[Hadith riwayat al-Dārimī, *Kitāb al-Ashribah*, *Bāb al-Nahy*
'an bay', no. hadith 2148]

Lafaz *ufrighat* juga disebut *ukfi'at* yang bermaksud dikosongkan dan ditumpahkan isinya dan merupakan perkataan yang mempunyai maksud yang sama.²³ Menurut Abu 'Ubayd al-Harawī, lafaz *ukfi'at* biasa digunakan dan mudah difahami oleh masyarakat Arab berbanding perkataan *ufrighat*.²⁴ Kesimpulannya, walaupun menggunakan perkataan yang berbeza namun kedua-dua lafaz tersebut menjelaskan maksud yang sama. Perkara ini kerana kaedah menyampaikan hadith (*al-'adā'*) oleh perawi menggunakan kaedah periwayatan dengan makna.

Selain daripada itu, terdapat riwayat lain yang menunjukkan periwayatan hadith dengan makna kerana mengikut dialek kabilah seseorang perawi hadith. Riwayat melalui jalur Muḥammad ibn Ziyād daripada Abū Hurayrah R.A mengenai penetapan nasab bagi seseorang anak sebagaimana berikut:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْوَلَدُ لِلْفَرَّاشِ، وَلِلْعَاوِ الْحَجَرِ²⁵

Terjemahannya: *Nabi SAW bersabda: Anak dinisbahkan kepada suami yang sah dan hukuman bagi penzina adalah batu.*

[Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Buyū'*, *Bāb*
Tafsīr al-Mushabbihāt, no. hadith 6818].

Manakala dalam jalur yang lain melalui Amrū bin Syu'ayb daripada datuknya sebagaimana berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْوَلَدُ لِلْفَرَّاشِ، وَلِلْعَاوِ الْأُتْلُبُ²⁶

Terjemahannya: *Nabi SAW bersabda: Anak dinisbahkan kepada suami yang sah dan hukuman bagi penzina adalah kerikil (batu kecil).*

[Hadith riwayat Aḥmad, *Musnad al-Mukhatthirīn min al-Ṣaḥābah*, *Musnad 'Abd Allah bin 'Amrū bin al-'Āṣ R.A*, no. hadith 6681].

Merujuk riwayat-riwayat tersebut, ungkapan *al-'āhir al-ḥajar* adalah penyebutan *kinayah* (perumpamaan) bagi penzina yang bermaksud *khaybah* iaitu kegagalan untuk menasabkan anak yang diakui sebagai anaknya. Manakala kalimah *al-ḥajr* pada asalnya bermaksud batu namun dalam riwayat ini bermaksud direjam dengan menggunakan batu sehingga mati. Begitu juga dalam riwayat yang lain disebut *al-athlab* yang bermaksud batu namun sebahagian ulama berpendapat ia bermaksud kerikil atau tanah kecil.²⁷ Menurut al-Harawī, selain disebut *al-ḥajr* dan *al-athlab* masyarakat Arab juga menyebutnya *al-kathkath* yang mana menurut al-Harabī, ia bermaksud batu-batu kecil yang berasal daripada tanah namun tidak disebutkan dalam mana-mana riwayat hadith.²⁸

²² al-Dārimī, 'Abd Allah bin 'Abd al-Raḥman (2000). *Musnad al-Dārimī*, ed. Ḥusayn Salīm 'Asad al-Dārānī. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah, Dār al-Mughnī, 2: 1335.

²³ Ibn Hajar al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Ali (1379H). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 9: 626.

²⁴ al-Harawī, 'Abū 'Ubayd al-Qasim bin Sallām. (1964). *Gharīb al-Ḥadīth*, ed. Muḥammad 'Abd al-Mu'īn Khān. Hyderabad: Maṭba'ah Dā'irah al-Ma'ārif al-'Uthmaniyyah, 2: 276.

²⁵ al-Bukhārī, Muḥammad bin Isma'il. (1419H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. Ed. Ṣalīḥ bin 'Abd al-'Azīz. Riyadh: Dār al-Salām, 586.

²⁶ Aḥmad, 11: 264.

²⁷ Ibn Hajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 12: 37 dan Ibn al-Athīr, 1:23.

²⁸ al-Harabī, Ibrāhīm bin Ishāq (1405H). *Gharīb al-Ḥadīth*. Ed. Sulaymān Ibrāhīm Muḥammad al-'Āyad. Mekah: Jāmi'ah Umm al-Qurā, 1: 233-234.

Oleh itu, terdapat banyak perkataan *gharīb* dalam hadith disebabkan faktor penyampaian hadith oleh perawi-perawi dengan menggunakan kaedah riwayat dengan makna namun perbezaan perkataan antara riwayat-riwayat dapat dikenal pasti apabila ia dikumpulkan yang menjadi kaedah utama yang dilakukan oleh *muhaddithīn* dalam merungkaikan maksud sesuatu lafaz *gharīb* dalam sesuatu riwayat hadith.

PENDEKATAN AHLI HADITH MENSYARAHKAN NAMA-NAMA FLORA DALAM RIWAYAT HADITH

Berdasarkan kepada penelitian terhadap dua kitab kajian iaitu *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh Ibn Hajar al-‘Aqalanī dan *al-Nihāyah fī Gharīb al-ḥadīth wa al-Athar* oleh Ibn al-Athīr al-Jazarī dapat dijelaskan pendekatan ahli hadith ketika menjelaskan kosa kata bagi nama-nama flora yang sukar difahami dalam hadith sebagaimana berikut:

Mengumpul riwayat (جمع الرواية)

Kaedah utama yang disepakati oleh *muhaddithīn* dan diaplikasikan dalam mensyarahkan lafaz-lafaz gharib adalah *jam‘ al-riwāyāt* adalah menghimpunkan kesemua riwayat bagi sesuatu lafaz gharib bagi satu hadith yang dikaji. Ia merupakan kaedah memahami hadith yang berkesan kerana maksud lafaz *gharīb* dalam hadith dapat ditentukan dengan tepat dan menghasilkan kefahaman yang menyeluruh.²⁹ Menurut Ibn al-Sālāḥ (m.643H), pengumpulan riwayat adalah kaedah yang paling absah dalam mensyarahkan lafaz *gharīb* kerana hadith berperanan menjelaskan satu sama lain.³⁰ Mengenai perkara ini, al-Khaṭīb al-Baghdādī (m.463H) juga menyebutkan bahawa ‘*hadith, jika kamu tidak mengumpul jalur-jalurnya kamu tidak akan memahaminya dan sesungguhnya hadith itu menerangkan antara satu sama lain*’.³¹

Secara praktikalnya, Ibn Hajar menjelaskan bahawa kesemua jalur riwayat yang menyebut lafaz *gharīb* yang sama dikumpulkan dan apabila jalur riwayat telah dipastikan *ṣaḥīḥ* kemudiannya dijelaskan inti pati matan sebagai satu riwayat.³² Melalui kaedah tersebut, maksud lafaz *gharīb* khususnya dapat dikenal pasti melalui perkataan sinonimnya kerana sebahagian perawi meriwayatkan hadith dengan kaedah meriwayatkan hadith dengan menggunakan perkataan berbeza namun masih merujuk kepada maksud yang sama (*riwāyat bi al-ma‘nā*).³³ Kaedah ini bukan sahaja dapat menjelaskan perkataan dalam matan hadith dengan tepat namun turut memberikan penjelasan aspek *tarajamah abwab* dan *munasabāt al-ḥadīth* khusus bagi hadith riwayat al-Bukhārī.³⁴ Di samping itu, kaedah ini turut merungkaikan aspek *sabab wurūd al-ḥadīth*³⁵ maksud atau ‘illah berkaitan hadith dan memperincikan kandungan hadith secara komprehensif.³⁶

Menurut al-Sakhāwī (m.902H), kaedah ini merupakan kaedah utama dan paling tepat dalam menjelaskan maksud lafaz-lafaz gharib dalam hadith kerana ia berperanan menjelaskan dan

²⁹ al-Khaṭṭābī, Ḥamad bin Muḥammad (1402H). *Gharīb al-Ḥadīth*. Ed. ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm al-Gharbāwī. Damsyiq: Dār al-Fikr, 1: 69.

³⁰ Ibn al-Ṣalāḥ, ‘Uthmān ibn ‘Abd al-Raḥman (1986). *Ma‘rifat Anwā’ ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Ed. Nūr al-Dīn ‘Itr. Damsyiq: Dār al-Fikr, 274.

³¹ al-Khaṭīb al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad ibn ‘Alī (1403H). *al-Jāmi‘ li Akhlāq al-Rāwī*. Riyad: Maktabat al-Ma‘ārif, 2: 212.

³² Ibn Hajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 6:474 dan 1: 508.

³³ al-Khaṭṭābī, Ḥamd Ibn Muḥammad (1982). *Gharīb al-Ḥadīth*. Ed. ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm al-Gharbāwī. T.t.p: Dār al-Fikr, 1:68-69.

³⁴ Ibn Jamā‘ah, Muḥammad ibn Ibrāhīm (1984). *Munāsabāt Tarājīm al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Ishāq Ibrāhīm. India: Dār al-Salafīyyah, 46 dan Ibn Hajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:13.

³⁵ al-Syātibī, ‘Ibrāhīm bin Mūsā (1997). *al-Muwāfaqāt*, ed. Masyhūr bin Ḥasan Āli Sulayman. T.tp: Dār Ibn ‘Affān, 4: 146.

³⁶ Ibn Hajar secara tidak langsung mengaplikasikan kaedah mengumpulkan riwayat- riwayat hadith ketika mensyarahkan Ṣaḥīḥ al-Bukhārī untuk menentukan ‘illah sesuatu hukum berdasarkan kaedah tersebut sehingga sesuatu hukum dapat ditentukan ‘illahnya. Rujuk Ibn Hajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1: 508.

merungkaikan maksud riwayat-riwayat yang tidak jelas sehingga sesuatu riwayat dapat difahami dengan menyeluruh.³⁷ Begitu juga menurut al-Qāḍī ‘Iyād (m.544H) dan Ibn Daqiq al-‘Id (m.702H) bahawa hadith sememangnya berperanan menjelaskan antara satu sama lain sehingga jelas difahami kandungannya. Hal ini kerana, sesuatu lafaz hadith dalam riwayat hadith tidak akan dapat disingkapinya maksudnya melainkan dengan penelitian terhadap jalur-jalur riwayat hadith yang sama.³⁸

Oleh yang demikian, ahli hadith bersepakat kaedah ini merupakan kaedah memahami hadith yang paling berkesan kerana maksud sesuatu lafaz *gharīb* dapat ditentukan dengan tepat dan kefahaman dapat dirungkaikan secara menyeluruh berdasarkan konteks riwayat.³⁹ Justeru itu, dapat difahami kaedah pengumpulan riwayat merupakan kaedah yang mesti diaplikasikan dalam mensyarahkan lafaz *gharīb* menurut ahli hadith. Maka, kajian ini menjadikannya sebagai kaedah utama yang dilakukan sebelum mengaplikasikan kaedah-kaedah lain.

Dalam perbincangan sebelumnya, telah dikemukakan contoh riwayat hadith yang menyebut kalimah *gharib*, *al-aluwwah*. Perkataan ini menjadi contoh pendekatan ahli hadith dalam menjelaskan kaedah pengumpulan riwayat bagi perkataan *gharīb* khusus berkaitan dengan flora-flora dalam hadith. Hadith yang bernombor 3245 yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A melalui jalur Hammam bin Munabbih sebagaimana berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوَّلُ زُمرَةٍ تَلِيحُ الْجَنَّةَ صُورُهُمْ عَلَى صُورَةِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ، لَا يَبْصُقُونَ فِيهَا، وَلَا يَمْتَحِطُونَ، وَلَا يَتَعَوَّطُونَ، آتَيْنَهُمْ فِيهَا الذَّهَبَ، أَمْشَاطُهُمْ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، وَجَمَائِرُهُمُ الْأَلْوَةُ، وَرَشَّحُهُمُ الْمِسْكُ، وَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ زَوْجَتَانِ، يُرَى مُحٌّ سَوْفَهُمَا مِنْ وَرَاءِ اللَّحْمِ مِنَ الْحَسَنِ، لَا اخْتِلَافَ بَيْنَهُمْ وَلَا تَبَاغُضَ، فَلَوْجُهُمْ قَلْبٌ وَاحِدٌ، يُسَبِّحُونَ اللَّهَ بِكُرَّةٍ وَعَشِيًّا⁴⁰

[al-Bukhārī, [Kitab Bad'i al-Wahy, Bab fī ṣifāt al-Jannah wa annaha makhlūqah, hadith no. 3245]

Jika diteliti terhadap penjelasan Ibn Hajar, beliau mengemukakan kesemua riwayat yang diriwayatkan oleh al-Bukhari iaitu hadith yang dipaparkan yang bernombor 3246 melalui jalur al-‘Arāj daripada Abu Hurairah R.A sebagaimana berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "أَوَّلُ زُمرَةٍ تَدْخُلُ الْجَنَّةَ عَلَى صُورَةِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ، وَالَّذِينَ عَلَى إِيْرِهِمْ كَأَشَدُّ كَوْكَبٍ إِضَاءَةً، فَلَوْجُهُمْ عَلَى قَلْبٍ رَجُلٍ وَاحِدٍ، لَا اخْتِلَافَ بَيْنَهُمْ وَلَا تَبَاغُضَ، لِكُلِّ امْرِئٍ مِنْهُمْ زَوْجَتَانِ، كُلٌّ وَاحِدَةٍ مِنْهُمَا يُرَى مُحٌّ سَاقِيهَا مِنْ وَرَاءِ لَحْمِهَا مِنَ الْحَسَنِ، يُسَبِّحُونَ اللَّهَ بِكُرَّةٍ وَعَشِيًّا، لَا يَنْقَمُونَ، وَلَا يَبْصُقُونَ، وَلَا يَمْتَحِطُونَ، آتَيْنَهُمُ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ، وَأَمْشَاطُهُمُ الذَّهَبُ، وَوَقُودُ جَمَائِرِهِمُ الْأَلْوَةُ قَالَ أَبُو الْيَمَانِ: يُعْنِي الْغُودُ، وَرَشَّحُهُمُ الْمِسْكُ"⁴¹

[Hadith Riwayat al-Bukhārī, [Kitab Bad'i al-Wahy, Bab fī ṣifāt al-Jannah wa annaha makhlūqah, hadith no. 3246]

Manakala hadith 3327, yang juga menyebut lafaz yang sama melalui jalur Abu Zur'ah daripada Abu Hurairah R.A sebagaimana berikut:

³⁷ al-Sakhāwī, Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān (2003). *Fath al-Mugīth bi Sharḥ ‘Alfiyah al-Ḥadīth al-‘Irāqī*, ed. ‘Alī Ḥusayn ‘Alī. Mesir: Maktabah al-Sunnah, 4: 24.

³⁸ al-Yaḥṣabī, ‘Iyād bin Mūsā (1998). *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li Qāḍī ‘Iyād al-Musamma Ikmal al-Mu‘lim bi Fawā'id Muslim*, ed. Yaḥya Ismā‘īl. Mansurah: Dār al-Wafā’, 8:380 dan Ibn Daqiq al-‘Id (2015). *Aḥkām al-Aḥkām Sharḥ ‘Umdah al-Aḥkām*. Ed. Muḥammad Munīr ‘Abdah Āghā al-Dimasyqī al-Azharī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1: 91.

³⁹ Ibn Ṣalāh, 274; al-Yaḥṣabī, ‘8:380 dan Ibn Daqiq al-‘Id, 1: 91 dan al-Shātibī, Ibrāhīm Ibn Mūsā (1977). *al-Muwāfaqāt*, ed. Abū ‘Ubaydah Masyhur ibn Ḥasan. Beirut: Dār ibn ‘Affān, 4: 146.

⁴⁰ al-Bukhārī, 263.

⁴¹ al-Bukhārī, 263.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ أَوَّلَ زُمْرَةٍ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ عَلَى صُورَةِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوهُمْ عَلَى أَشَدِّ كَوْنٍ دُرِّيٍّ فِي السَّمَاءِ إِضَاءَةً، لَا يَبُولُونَ وَلَا يَتَغَوَّطُونَ، وَلَا يَتَنَفَّلُونَ وَلَا يَمْتَخِطُونَ، أَمْشَاطُهُمُ الذَّهَبُ، وَرَشْحُهُمُ الْمِسْكُ، وَنَجَامُهُمُ الْأَلْوَةُ الْأَنْجُوحُ، عُودُ الطَّيِّبِ وَأَرْوَاحُهُمُ الْخَوَرُ الْعَيْنُ، عَلَى خَلْقِ رَجُلٍ وَاحِدٍ، عَلَى صُورَةِ أَبِيهِمْ آدَمَ، سِتُونَ ذِرَاعًا فِي السَّمَاءِ

[Hadith Riwayat al-Bukhārī, [*Kitab Bad'i al-Wahy, Bab fi shifāt al-Jannah wa annaha makhlūqah*, hadith no. 3327.]

Berdasarkan pengkajian yang lebih meluas, hadith yang mengandungi lafaz ini juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad pada nombor 8680 melalui jalur Abu Yūnūs daripada Abu Hurairay R.A sebagaimana berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: أَهْلُ الْجَنَّةِ رَشْحُهُمُ الْمِسْكُ، وَوُفُودُهُمُ الْأَلْوَةُ " . قَالَ: قُلْتُ لِأَبْنِ كَيْسَةَ: يَا أبا عَبْدِ الرَّحْمَنِ، مَا الْأَلْوَةُ؟
قَالَ: الْعُودُ الْهِنْدِيُّ الْحَيُّ⁴²

[Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Mukhatthirīn min al-Ṣaḥābah, Musnad Abu Hurayra R.A*, no. Hadith 8680].

Berdasarkan kaedah pengumpulan riwayat, terdapat 4 riwayat berkaitan hadith tersebut yang kesemuanya diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A daripada *turuq* yang pelbagai pada peringkat tabiin. Dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, terdapat riwayat lain yang menggunakan lafaz yang sama. Nāfi' menceritakan sebagaimana berikut:

كَانَ ابْنُ عُمَرَ إِذَا اسْتَجَمَرَ بِالْأَلْوَةِ، غَيْرَ مُطَرَّاةٍ وَبِكَافُورٍ، يَطْرُحُهَا مَعَ الْأَلْوَةِ ثُمَّ قَالَ: "هَكَذَا كَانَ يَسْتَجِمِرُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ"⁴³

Terjemahan: Bilamana Ibn 'Umar R.A ingin mengasapi setanggi bau-bauan dia akan menggunakan *al-aluwwah* tanpa campuran (wangian) dan menggunakan *al-kāfir* yang dicampurkan dengan *al-aluwwah* kemudian berkata: Inilah (cara) Rasulullah SAW mengasapi setanggi bau-bauan..

[Hadith riwayat Muslim, *Kitāb: al-Alfāz min al-Ādab wa Ghayriha, Bāb: Isti'māl al-Misk wa annahu Aṭyab al-Ṭīb wa Karāhah rad al-Rayḥān wa al-Ṭīb*, no.hadith 2254].

Jika diperhatikan, apabila kesemua riwayat yang menyebut lafaz *al-aluwwah* dikumpulkan, riwayat-riwayat tersebut saling menjelaskan antara satu sama lain. Melalui kaedah ini, pada peringkat awal lagi nama-nama lain bagi lafaz gharib tersebut telah dapat dikenal pasti yang mana secara tidak langsung dapat memudahkan penjelasan maksud perkataan tersebut. *Al-aluwwah* dengan nama lain adalah *al-'ūd*, *al-alanjūj* dan *al-'ūd al-Hindi al-jayyid* iaitu sejenis setanggi yang diperbuat daripada gaharu yang bergred premium. Orang-orang Parsi mengenalinya dengan pelbagai nama antaranya *al-alanjūj*, *al-yananjūj*, *al-yananjaj*, *al-yananjīj*, *al-alanjaj*, *al-alanjūjī* dan juga disebut *al-'ūd al-alanjūj*.⁴⁴ Mengenai kepelbagaian nama bagi wangian ini, al-Qaṣṭalānī (m.923H) menukikan penjelasan pakar bahasa dan sastera Arab iaitu al-Mufaḍḍal ibn Salamah yang menjelaskan bahawa dalam bahasa Yunani bagi orang-orang Greek wangian tersebut juga disebut sebagai *alwah* dan *ulwah*.⁴⁵

Jika diperhatikan dalam Kitab *Fath al-Bārī*, Ibn Hajar mengemukakan kesemua riwayat berkaitan dan kemudiannya menjelaskan maksud *al-aluwwah* dengan merujuk penjelasan ahli bahasa seperti Ibn al-

⁴² Ahmad, 14: 310.

⁴³ al-Naysabūrī, Muslim bin Hajjāj (1419H). *Ṣaḥīḥ Muslim dalam Mawsū 'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. Ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz. Riyad: Dār al-Salām, 1078.

⁴⁴ Ibn Manzūr, Muḥammad bin Muḥarram (1414H). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣādir, 2: 359 dan 375.

⁴⁵ al-Qaṣṭalānī, Muḥammad ibn Muḥammad (1323H). *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: al-Maṭbā'ah al-Kubrā al-Amriyyah, 5: 281.

Tin, al-Aṣma'ī, dan beberapa yang lain berdasarkan kamus-kamus Arab atau disebut *al-ma'ajim*. Pendekatan sebegini merupakan perhatian utama ulama hadith ketika menjelaskan hadith Nabi SAW apatah lagi bagi riwayat-riwayat yang mengandungi perkataan-perkataan *gharīb* yang menjadi topik perbincangan dalam kalangan ahli hadith.⁴⁶ Pendekatan ini juga yang diaplikasikan oleh Ibn al-Athīr, beliau mengemukakan kesemua riwayat yang menyebutkan lafaz *al-'aluwwah* dalam hadith Nabi SAW untuk menunjukkan perkaitan antara riwayat bagi satu kosa kata walaupun melibatkan matan-matan yang berbeza. Menurut beliau, *al-'aluwwah* masyhur dikenali sebagai *al-'ūd* dalam masyarakat Arab iaitu setinggi dan ia digunakan dengan cara mengasapinya. Oleh itu, kesemua riwayat yang menyebutkan perkataan tersebut adalah merujuk kepada *al-'ūd*.⁴⁷ Setelah itu, beliau menjelaskan maksud perkataan tersebut termasuk cara sebutan, penggunaan dalam masyarakat Arab, dan hadith-hadith yang terlibat yang tidak menyebutkan perkataan *al-'aluwwah* atau *al-'ūd* secara zahir iaitu kalimah *ajmara* yang juga merujuk kepada tumbuhan yang sama.⁴⁸

Menariknya, berdasarkan riwayat-riwayat yang dikumpulkan, dapat juga dikenal pasti fungsi lain bagi tumbuhan tersebut pada zaman awal Islam. Perkara ini secara langsung dapat menjelaskan fungsi sesuatu jenis tumbuhan seterusnya dapat memahami maksud hadith dengan lebih mendalam. Perkara ini bertepatan dengan peranan hadith iaitu menjelaskan maksud antara satu sama lain khususnya perkataan-perkataan yang sukar difahami.

Merujuk Penjelasan Ahli Leksikon Arab dan *Muhaddithīn*

Setelah kesemua riwayat bagi lafaz *gharīb* telah dikumpulkan, ahli hadith akan menjelaskan maksud perkataan *gharīb* berkaitan berdasarkan penjelasan perawi terhadap maksud perkataan tersebut. kebiasaannya para sahabat atau tabi'in akan menjelaskan maksud perkataan berkaitan dalam riwayatnya. Perkara ini dapat diperhatikan dalam riwayat al-Bukhārī apabila Abu al-Yaman menjelaskan maksud perkataan tersebut. Setelah itu, ahli hadith akan menjelaskan maksud perkataan berkaitan dengan merujuk penjelasan ahli leksikon Arab dan ahli hadith lain khususnya melibatkan kitab *gharīb al-hadith* dan ini merupakan kaedah kedua yang akan dibahaskan dalam *maqalah* ini.

Antara kaedah lain dalam meneliti maksud lafaz *gharīb* adalah merujuk karya-karya yang mensyarahkan matan-matan hadith seperti kitab-kitab dalam kategori *gharīb al-ḥadīth*, *syurūḥ al-ḥadīth* dan kamus-kamus bahasa Arab atau dikenali sebagai *mu'jam*. Hal ini kerana, hampir keseluruhan lafaz-lafaz *gharīb* telah dijelaskan maksudnya melalui karya-karya tersebut samada penjelasan dengan pendapat penulis sendiri atau menaqlikan pendapat ulama sebelum mereka. Penjelasan ahli bahasa Arab yang lebih awal seperti al-Liḥyānī, al-Aṣma'ī, Abu Bakr al-Anbarī dan ramai lagi dikemukakan dalam *mu'jam* Arab klasik bersama juga penjelasan pengarang kitab sendiri. Dapat dinyatakan di sini, antara *mu'jam* Arab yang menjadi sumber rujukan ahli hadith bahkan rujukan ahli leksikografi Arab sendiri adalah *al-'Ayn* oleh al-Khalīl al-Farāhīdī, *Jamharat al-Lughah* oleh Ibn Durayd, *al-Ṣiḥḥah Tāj al-Lughah wa al-Siḥḥah al-'Arabiyyah* oleh al-Jawharī, *Lisān al-'Arab* oleh Ibn Manẓūr dan banyak lagi.⁴⁹ Karya-karya dalam kategori ini memainkan peranan penting dalam menganalisis maksud dan asal usul sesuatu perkataan sama ada merupakan bahasa Arab atau perkataan serapan (*mu'rab*) daripada bahasa-bahasa asing seperti bahasa Parsi, Sanskrit dan lain-lain lagi ke dalam bahasa Arab termasuk dapat meneliti maksud lafaz *gharīb* yang disebutkan dalam nas al-Quran dan juga hadith.⁵⁰

Adapun peranan besar karya *gharīb al-ḥadīth* tidak dapat disangkal lagi apabila diiktiraf sebagai kategori karya hadith yang paling tepat menjelaskan maksud lafaz *gharīb* dan melibatkan hampir

⁴⁶ Ibn Hajar, *Fath al-Barī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 6: 324-367.

⁴⁷ Ibn al-Athīr, 1 dan 3 ; 63 dan 123.

⁴⁸ *Ibid.*, 1: 293 dan 280.

⁴⁹ Ibn Manẓūr, 80: 2, 13: 162, 13: 400; Ibn Durayd, Muḥammad Ibn al-Ḥusayn (1987). *Jamharat al-Lughat*, ed. Ramzī Munīr Ba'albaqī. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 2: 1205 dan al-Azhārī, Muḥammad Ibn Aḥmad (2001). *Tahdhīb al-Lughah*. Ed. Muḥammad 'Iwāḍ Mar'ab. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1:19; 2: 187 dan 3: 17.

⁵⁰ al-Sharqāwī, al-Sayyid (2001). *Ma'ajim Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar wa al-Istishhād bi al-Ḥadīth fī al-Lughah wa al-Nahw*. Kaherah: Maktabah al-Khanajī, 27.

keseluruhan lafaz dalam hadith. Antara kitab dalam kategori ini adalah *al-Gharīb al-Muṣannaf* oleh Abū ‘Ubayd al-Harawī, *Gharīb al-Ḥadīth* oleh Ibn Qutaybah, *al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athār* oleh Ibn al-Athīr dan banyak lagi.⁵¹ Begitu juga peranan besar karya syarahan hadith kerana menjelaskan kandungan hadith secara komprehensif termasuk lafaz-lafaz *gharīb* sehingga sesuatu riwayat dapat difahami dengan menyeluruh.⁵² Antara kitab dalam kategori ini adalah *Ma ‘ālim al-Sunan* oleh al-Khaṭṭābī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn al-Baṭṭāl* oleh Ibn al-Baṭṭāl, *‘Umdāt al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh al-‘Aynī dan banyak lagi.

Pendekatan ini dapat diperhatikan terhadap sikap Ibn al-Athīr yang merujuk kitab *gharīb al-ḥadīth* yang lain, kitab syarahan hadith serta *mu‘jam* Arab untuk memastikan maksud sesuatu perkataan *gharīb* dalam matan hadith dijelaskan dengan setepatnya. Demikian juga pendekatan Ibn Hajar al-‘Asqalānī ketika menjelaskan maksud *kuṣṭ* berdasarkan riwayat Umm ‘Aṭiyyah R.HA sebagaimana berikut:

... إِذَا اغْتَسَلْتَ إِحْدَانَا مِنْ مَحِيْظِهَا فِي ثُبْدَةٍ مِنْ كُثْبٍ أَظْفَارٍ ...⁵³

Terjemahan: ‘...Apabila salah seorang daripada kami mandi (bersuci) daripada haid menggunakan sedikit kust azfar..’

[Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-ḥayḍ, Bāb al-ṭayyib li mar’ah ‘inda ghaslahā min al-mahīḍ*, no. hadith 313]

Merujuk petikan tersebut, Ibn Hajar ketika menjelaskan maksud lafaz *gharīb* yang bergaris dengan merujuk kitab *al-Mashāriq al-Anwār ‘ala Ṣaḥḥāh al-Athar* oleh al-Qāḍī ‘Iyād bahawa *kuṣṭ* adalah sejenis *bukhūr* iaitu setinggi yang biasa digunakan oleh masyarakat Arab termasuk juga *zafār* yang dinyatakan merupakan sejenis wangian bangsa Arab. Kemudiannya, beliau merujuk *mu‘jam* Arab klasik iaitu *al-Muḥkam al-Muḥīt al-‘Aẓam* oleh Ibn Sīdah bahawa *azfār* adalah minyak wangi yang berwarna hitam. Setelah itu, beliau merujuk kitab *al-‘Ayn* oleh al-Khalīl al-Farāhidī yang menyatakan bahawa *kuṣṭ* dan *azfār* adalah dua jenis wangian yang berbeza agar dapat dikenali oleh umat Islam dengan jelas.⁵⁴

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa menjadi budaya ahli hadith, mereka merujuk kitab-kitab sebelum mereka untuk menjelaskan maksud sesuatu hadith. Pengiktirafan ini adalah kerana ahli hadith memerlukan antara satu sama lain dalam menjelaskan maksud hadith agar masyarakat Islam dapat memahaminya dan seterusnya mengamalkannya.

KESIMPULAN

Penjelasan maksud perkataan *gharīb* dalam matan hadith perlu merujuk pendekatan ahli hadith dengan mengikuti kaedah-kaedah yang diaplikasikan oleh mereka untuk mengelakkan penjelasan maksud yang tidak tepat dan menyebabkan salah faham terhadap hadith nabi SAW. Kaedah pengumpulan riwayat hadith adalah kaedah wajib bagi setiap pengkaji hadith kerana sebarang penjelasan terhadap maksud perkataan adalah berpunca daripada kaedah utama ini sebelum melaksanakan kaedah-kaedah lain. Ketepatan maksud perkataan kosa kata dalam hadith terutamanya perkataan *gharīb* amat bergantung dengan penelitian terhadap riwayat-riwayat lain yang menyebut kosa kata yang sama. Manakala kaedah

⁵¹ Kitab *al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar* oleh Ibn al-Athīr diiktiraf sebagai karya yang mengumpulkan hampir keseluruhan lafaz *gharīb* dalam hadith Nabi SAW. Oleh yang demikian, kitab tersebut dianggap sebagai ensiklopedia dalam bidang ini yang paling lengkap dan menjadi rujukan penting umat Islam dalam memahami hadith Nabi SAW. Manakala kitab-kitab lain juga menjadi rujukan sebagai pengukuhan seperti *Gharīb al-Ḥadīth* oleh ‘Ubayd al-Qasim Ibn Salām, *Gharīb al-Ḥadīth* oleh al-Khaṭṭābī, *al-Fā‘iq fī Gharīb al-Ḥadīth* oleh al-Zamaksharī dan lain-lain. Rujuk ‘Itr, Nūr al-Dīn (1979). *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damshiq: Dār al-Fikr, 334.

⁵² al-Ṣafadī, Bassām Ibn Khalīl (2015). “‘Ilm Sharḥ al-Ḥadīth Dirāsāt Ta’ṣiliyyah Manhajīyyah”. Tesis Kedoktoran, The Islamic University, Gaza, Palestin, 249-259.

⁵³ al-Bukhārī, 27.

⁵⁴ Ibn Hajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 414.

merujuk kepada kitab-kitab utama iaitu kitab syarah hadith, kitab *gharīb al-hadīth* dan *mu'jam* Arab tidak dapat dielakkan dalam menjelaskan maksud perkataan-perkataan dalam matan hadith. Peralihan maksud perkataan dalam matan hadith khusus bagi perkataan gharib daripada bahasa Arab kepada bahasa melayu perlu melalui proses yang cermat dan teliti. Perkara ini tidak lain tidak bukan untuk memelihara hadith Nabi SAW dan menjaga syariat Islam. kesilapan dan kecuaiian membawa kepada salah faham terhadap maksud hadith dan menggugat kedudukan hadith dalam Islam. Oleh itu, masyarakat Islam khususnya kepada penuntut hadith, pengkaji dan penyelidik perlu cakna dan prihatin terhadap perkara ini untuk memastikan sumber wahyu terpelihara dan kefahaman yang tepat dapat disampaikan kepada masyarakat Islam khususnya di Malaysia.

RUJUKAN

- ‘Itr, Nūr al-Dīn (1979). *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damshiq: Dār al-Fikr.
- Ahmad Izzuddin Abu Bakar (2024). Analisis Kesilapan Terjemahan Hadis Dan Cadangan Penambahbaikan: Satu Tinjauan Awal, *Journal of Hadith Studies*, 9 (2), 163- 172.
- al-Azhārī, Muḥammad Ibn Aḥmad (2011). *Tahdhīb al-Lughah*. Ed. Muḥammad ‘Iwāḍ Mar‘ab. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Bukhārī, Muḥammad bin Isma‘īl (2008). Sāḥīḥ al-Bukhārī dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf al-Kutub al-Sittah*. Ed. Solīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz. Riyad: Dār al-Salām.
- al-Dārimī, ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Raḥman (2000). *Musnad al-Dārimī*. Ed. Ḥusayn Salīm ‘Asad al-Dārānī. al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah, Dār al-Mughnī.
- al-Harawī, Abū ‘Ubayd al-Qasim bin Sallām (1964). *Gharīb al-Ḥadīth*. Ed. Muḥammad ‘Abd al-Mu‘īn Khān. Hydrabad: Maṭba‘ah Dā’irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmaniyyah.
- al-Ḥarabī, Ibrāhīm bin Ishāq (1405H). *Gharīb al-Ḥadīth*. Ed. Sulaymān ‘Ibrāhīm Muḥammad al-‘Āyad. Mekah: Jāmi‘ah ‘Umm al-Qurā.
- al-Khaṭīb al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad ibn ‘Alī (1403H). *al-Jāmi‘ li Akhlāq al-Rāwī*. Riyad: Maktabat al-Ma‘ārif.
- al-Khaṭṭābī, Ḥamad bin Muḥammad (1982). *Gharīb al-Ḥadīth*. Ed. ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm al-Azbāwī. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- al-Qaṣṭalānī, Muḥammad ibn Muḥammad (1332H). *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: al-Maṭbā‘ah al-Kubrā al-Amriyyah.
- al-Ṣafadī, Bassām Ibn Khalīl (2015). “Ilm Sharḥ al-Ḥadīth Dirāsah Ta’ṣiliyyah Manhajiyyah. Tesis Kedoktoran, The Islamic University, Gaza, Palestin.
- al-Sakhāwī, Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman (2003). *Faṭḥ al-Mugīth bi Sharḥ ‘Alfiyah al-Ḥadīth al-‘Irāqī*, ed. ‘Alī Ḥusayn ‘Alī. Mesir: Maktabah al-Sunnah.
- al-Sharqāwī, al-Sayyid (2001). *Ma‘ājim Gharīb al-Ḥadīth wa al-Aṭhar wa al-Istishhād bi al-Ḥadīth fī al-Lughah wa al-Naḥw*. Kaherah: Maktabah al-Khanajī.
- al-Shāṭibī, Ibrāhīm Ibn Mūsā (1977). *al-Muwāfaqāt*. Ed. Abū ‘Ubaydah Masyhur ibn Ḥasan. Beirut: Dār ibn ‘Affān.
- al-Shaybānī, Aḥmad bin Muḥammad (2001). *Musnad Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Ed. Shu‘ayb al-Arna’ūt et al. T.tp.: Mu‘assasah al-Risālah.
- al-Siba’ī, Mustafa (1976). *al-Sunnah wamakanatuha fī al-Tashri’ al-Islami*. Beirut: al-Maktab al-Islamī.
- al-Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥman Ibn Abū Bakr (t.t). *Tadrīb al-Rāwī Sharḥ Taqrīb al-Nawawī*. Ed. Abu Qutaybah Naẓr Muḥammad al-Fārayābī. T.t.p: Dār Ṭaybah.
- al-Syāṭibī, Ibrāhīm bin Mūsā, *al-Muwāfaqāt* (1997). Ed. Masyhūr bin Ḥasan Āli Sulayman. T.tp: Dār Ibn ‘Affān.

- al-Yaḥṣabī, ‘Iyād Ibn Mūsā (1998). *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li al-Qāḍī ‘Iyād al-Musamma Ikṃāl al-Mu‘lim bi Fawā'id Muslim*. Ed. Yaḥya Ismā‘īl. Mansurah: Dār al-Wafā’.
- al-Zahrānī, Muḥammad Ibn Maṭr (1996). *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyah nasha'tuh wa taṭawwuruh*. Riyad : Dār al-Hijrah.
- al-Zahrānī, Muḥammad Ibn Maṭr (1426). *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyah*. Riyad: Maktabah Dār al-Minhāj.
- Husni Abdullah, Muhammad Syukri Abdul Rahman dan Hishomudin Ahmad (2002). Analisis Penilaian Kontrasif Terjemahan Kata Nama Khas Terhadap Hadis dalam Kitab al-Halal wa al-Haram fi al-Islam, Journal Hadis 13 (24), 27-39.
- Ibn al-Athīr, al-Mubārak bin Muḥammad (1979). *al-Nihāyah fī gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar*. Ed. Ṭāhir Aḥmad al-Zāwī dan Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Ṣalāḥ, ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahman (1986). ‘Uthmān ibn ‘Abd al-Raḥman, *Ma‘rifat Anwā’ ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Ed. Nūr al-Dīn ‘Itr. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Ibn Daqīq al-‘Id (2005). *Aḥkām al-Aḥkām Sharḥ ‘Umdat al-Aḥkām*, ed. Muḥammad Munīr ‘Abdah Aghā al-Dimashqī al-Azharī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Durayd, Muḥammad Ibn al-Ḥusayn (1987). *Jamharat al-Lughat*. Ed. Ramzī Munīr Ba‘albaqī. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī (1326H). *Tahdhīb al-Tahdhīb*. India: Maṭba‘ah Dā’irah al-Ma‘ārif al-Nazāmiyyah.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī (1379H). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Jamā‘ah, Muḥammad ibn Ibrāhīm (1984). *Munāsabāt Tarājim al-Bukhārī*. Ed. Muḥammad Ishāq Ibrāhīm. India: Dār al-Salafīyyah.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukarram (1414H). *Lisān al-‘Arab*. Beirut, Dār Ṣādir.
- Suyuti Abd al-Manas dan Mohammaed Dawud Timezghine (2013). “Ḍawābiṭ al-Ta‘āmul ma‘a Gharīb al-Ḥadīth al-Nabawī,” *Majallat al-Tajdīd* 34, 127-151.
- Thuraya Ahmad (2018). “Gharīb al-Alfāz fī al-Tarjamah al-Injiliziyyah fī kitāb al-Libās fī Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: Muḥammad Muḥsin Khān Annamūdhajān”. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wāfi, ‘Alī ‘Abd al-Wāḥid (2004). *Fiqh al-Lughah*. Mesir: Nahḍah Miṣr.